

Khairy diberi ruang jelas tohmahan

Apa yang ditimbulkan oleh bekas Perdana Menteri itu bukan merupakan satu ancaman dan tidak boleh menimbulkan perpecahan dalam parti

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Ketua Pemuda
UMNO



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Pergerakan Pemuda UMNO akan, memberi ruang secukupnya kepada Naib Ketuaanya, Khairy Jamaluddin untuk memberi penjelasan kepada ahli-ahli parti berhubung tohmahan-tohmahan yang dilemparkan terhadapnya.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ia merupakan prinsip pergerakan itu dengan Khairy sahaja boleh menjawab segala tuduhan yang dilemparkan oleh pihak tertentu ke atasnya.

"Adalah bagus untuk Khairy menjelaskan dan bagus juga untuk Pemuda memberikan pandangan supaya fitnah ini dapat disekat," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata demikian kepada pemberita selepas memberi penghormatan terakhir kepada isteri Pengarah Urusan YTL Corporation Berhad, Tan Sri Francis Yeoh, meniang Puan Sri Rosaline Chan Yee Hing, 54, yang meninggal akibat kanser Ahad lain, di sini hari ini.

Sabtu lalu Khairy berkata, beliau sanggup melepaskan jawatan yang dipegangnya sejak pemilihan parti 2004 jika dianggap sebagai liabiliti kepada pergerakan itu.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, beliau yakin lama kelamaan orang akan sedar apa yang Khairy nyatakan itu

merupakan yang benar.

"Sama ada kita letak jawatan atau tidak akhirnya yang menentukannya ialah ahli-ahli parti.

"Kalau ahli-ahli parti tidak ingin kita lagi atau menjadi bebanan atau menjejaskan parti, prinsip kita dalam Pemuda UMNO sejak dahulu lagi jelas bahawa dengan rela hati akan letak jawatan," katanya.

Tegas Hishammuddin, apa yang diluahkan oleh Khairy bukanlah satu perkara pelik kerana dalam barisan kepimpinan Pemuda UMNO, jika tindak tanduk menjejaskan parti, mereka dengan rela hati meletakkan jawatan.

"Dalam kes Khairy, saya setuju dengan beliau, turun ke bawah memberi penjelasan berhubung tuduhan-tuduhan tersebut dan kini terpolang kepada ahli untuk mendengar dan menganalisis segala penjelasan yang diberikan," katanya.

Ditanya tindakan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tidak mahu mencampuri urusan Pemuda, Hishammuddin menjelaskan:

"Ia merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada Pemuda, bila Presiden menyatakan dalam hai Pemuda beliau (Abdullah) menyerahkan kepada kami untuk menentukannya.

"Bila saya minta beliau tidak 'kacau' Pemuda, beliau akur. Ini bermakna penghormatan kepada Pemuda oleh Abdullah begitu tinggi," katanya.

Mengenai kritikan berterusan Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau berkata, apa yang ditimbulkan oleh bekas Perdana Menteri itu bukan merupakan satu ancaman dan tidak boleh menimbulkan perpecahan dalam parti.

Katanya, oleh itu penting apabila Abdullah memberi penjelasan.

"Selain itu, semua pihak hams turun ke bawah dan memastikan barisan parti dapat dirapatkan dan memberi penjelasan kepada mereka yang betul-betul hendak mendengar," katanya.